

WKB2030: Naratif baru pembangunan negara

UM - 5/10/2019 mb: 12

DALAM usaha mencapai tahap negara maju, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan perkembangan ekonomi bukanlah satu-satunya petunjuk kejayaan. Ia boleh diukur daripada pelbagai dimensi termasuk yang tidak langsung bersifat ekonomi.

Begitu juga dengan kemakmuran negara. Kerangka fikiran lama yang menekankan pengurangan kadar kemiskinan dan mengumpul kekayaan semata ternyata tidak bererti sekiranya ada kelompok yang tercicir, apatah lagi dalam kemelut ekonomi yang dialami sekarang.

Justeru, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) yang bakal dilancarkan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad bertindak sebagai naratif baharu pembangunan dalam menstrukturkan ekonomi agar semua rakyat menikmati taraf hidup yang wajar menjelang 2030.

Dalam hal ini, fokus WKB2030 adalah menangani ketidakseimbangan ekonomi - yang mana kita berhadapan dengan jurang yang semakin melebar antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan - serta membawa Malaysia keluar dari belunggu perangkap pendapatan pertengahan.

Masalah utama negara kini bukanlah menangani kemiskinan tegar tetapi pengagihan dan pelaksanaan dasar yang berkesan.

Namun WKB2030 yang menekankan peluang sama rata kepada seluruh rakyat Malaysia telah mencetuskan kekusaran daripada golongan



TIADA guna dasar baharu digubal bagi memulihkan ekonomi negara sedangkan kesannya gagal mengatasi masalah sebenar dihadapi rakyat miskin seperti petani dan pekebun kecil. - GAMBAR HIASAN/BERNAMA

bumiputera - adakah kepentingan dan hak mereka tidak lagi dilindungi?

Dari sisi lain, ada yang mempersoalkan di mana hak sama rata yang dijanjikan sebelum ini oleh Pakatan Harapan apabila tindakan afirmatif masih lagi dilaksanakan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Senator Dr Mohd Radzi Md Jidin menjelaskan dasar ini bukanlah meninggalkan agenda bumiputera sama sekali tetapi ia menitikberatkan hasil untuk bumiputera.

"Ini bukan dasar berdasarkan kaum tetapi berasaskan keperluan dan menangani jurang ekonomi dalam konteks pendapatan tanpa mengira bangsa.

"Pada masa yang sama kita harus memperakui dan berlaku jujur, lebih 70 peratus populasi B40 terdiri daripada bumiputera dan sebaliknya pula untuk golongan T20," jelas beliau ketika taklimat di

Putrajaya baru-baru ini.

Golongan bumiputera juga tercorot dalam kedudukan pemilikan kekayaan dan pendapatan.

Sejarah juga telah membuktikan kesan negatif ketidakseimbangan sosioekonomi boleh mengancam perpaduan nasional.

Ketidakseimbangan ekonomi dan jurang pendapatan yang melebar akan mencetuskan rasa tidak selamat serta defisit kepercayaan di kalangan rakyat dan ia tidak akan membantu sesiapa.

Kita perlu mewujudkan tahap penyelesaian dasar ekonomi untuk menyatukan rakyat kerana ekonomi yang saksama adalah elemen penting perpaduan.

Justeru, WKB2030 akan menangani kemiskinan relatif, kumpulan rentan ekonomi, kurang simpanan persaraan dan keselamatan kewangan serta perhatian akan diberikan kepada golongan khusus

seperti masyarakat Orang Asli, kurang upaya dan mereka yang dalam transisi ekonomi seperti peneroka dan setinggan.

"Peluang yang sama belum tentu menghasilkan keputusan yang serupa. Sedangkan negara satu bangsa pun sukar untuk stabil sekiranya ada masalah jurang ekonomi yang ketara, apatah lagi berbilang kaum seperti Malaysia.

"Dalam pada itu harus ditekankan bahawa ini bukan pendekatan sosialis yang akan menghantar isyarat yang salah kepada pasaran. Ini adalah penekanan kepada hasil. Jurang akan sentiasa wujud tetapi yang harus kita tangani adalah memastikan ia dalam kadar yang munasabah," kata Mohd Radzi.

Menurut Jabatan Perangkaan, jurang pendapatan antara bumiputera dan etnik Cina melebar sebanyak 3.5 kali ganda pada tahun lepas berbanding 30 tahun, manakala berbanding etnik India pula ia melebar empat kali lipat.

Jurang pembangunan antara wilayah dan negeri yang tidak saksama juga perlu diselesaikan. Malah jurang pembangunan dan ekonomi antara daerah seperti Sungai Petani, Sik dan Baling di Kedah juga dapat dirasakan dengan ketara meskipun kawasan ini terletak berdekatan.

Selain itu, perkongsian kekayaan bukan sekadar boleh diperolehi melalui cukai. Salah satu cara lagi ialah meningkatkan sumbangan pampasan pekerja kepada ekonomi, namun bahagian Pampasan Pekerja (CE) kepada KDNK di Malaysia masih rendah

berbanding negara maju.

Negara menyasarkan supaya pendapatan menyumbang 40 peratus kepada KDNK namun berdasarkan kedudukan terkini iaitu pada sekitar 35 peratus, Malaysia mampu mencecah 38 peratus pada tahun hadapan.

Sebagai perbandingan, CE di Jerman mencecah 51.5 peratus, UK 49.4 peratus, Korea Selatan 45.7 peratus dan Singapura 39.7 peratus.

Untuk mencapai sasaran ini, WKB2030 akan memberi penekanan terhadap ekonomi yang bernilai dan berteknologi tinggi, serta mempelbagaikan sumber dan potensi pertumbuhan ekonomi yang belum digembleng sepenuhnya.

WKB2030 juga akan mengawal situasi sabotaj terhadap agenda ekonomi bumiputera seperti yang terjadi dalam dasar sebelum ini yang mana terdapat terlalu banyak ketirisan.

Kajian mendapati 50 peratus daripada RM1.0 trilion kontrak perolehan kerajaan untuk pembangunan, bekalan dan perkhidmatan sepanjang Rancangan Malaysia Ke-7 (RMK7) ke RMK10 diberikan kepada bumiputera namun ia hanya menyumbang 9.0 peratus terhadap pertumbuhan KDNK.

Sebahagian besar puncanya adalah penyalahgunaan kuasa, rasuah dan salah urus atas nama bumiputera. Penyertaan bumiputera juga tidak berkesan dalam ekonomi terutama apabila penglibatan syarikat berkaitan kerajaan dikeluarkan (GLC). - BERNAMA